

PERCUMA 15 - 22 Februari 2013, 4 - 11 Rabiulakhir 1434

Peperiksaan Sijil Menengah Agama: Selangor cemerlang  
**muka 10**

Penduduk tidak puas hati BN cat tanpa persetujuan  
**muka 11**

Asrama anak pekerja ladang pertama di Malaysia  
**muka 12**



Gambar oleh Asri Sapfie

## MENGUJI KEMAHIRAN...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bersama penduduk kampung memancing ikan dalam kolam semasa Sambutan Jubli Intan Masjid Ar-Rahman (lama) di Kampung Bukit Badong

Selaku pemegang saham emas

# Pusat patut benarkan Selangor ambil alih SYABAS

Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** -Sebagai pemegang saham emas (golden share) Kerajaan Persekutuan diminta menggunakan kuasanya bagi membolehkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) menerima tawaran harga Kerajaan Negeri bagi mengambil alih operasi pengurusan bekalan air di Selangor.

Langkah ini sekaligus mempercepatkan penyelesaian penyusunan semula industri air demi kepentingan rakyat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, sekiranya mereka eng-

gan berbuat demikian, Kerajaan Negeri akan membawa Kerajaan Persekutuan ke mahkamah kerana melanggar Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006).

Beliau menegaskan, ini bukanlah pengambilalihan biasa syarikat komersil, sebaliknya melibatkan perjanjian antara tiga pihak, iaitu Syabas, Kerajaan Perse-

kutuan dan Kerajaan Negeri yang pemegang sahamnya adalah rakyat.

"Urus niaga tidak boleh berpaksikan keuntungan semata-mata, sebaliknya kebajikan rakyat perlu diberi keutamaan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Exco.

Mengulas berkaitan soal harga yang ditawarkan, sama ada lebih tinggi atau rendah berbanding sebelum ini, Abdul Khalid menyatakan perkara berkenaan disifatkan sensitif dan sulit.

Beliau menambah, dokumen tawaran akan dihantar kepada syarikat konsesi

pada minggu depan.

Usaha pengambilalihan ini susulan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebelum ini bahawa Kerajaan Persekutuan tiada masalah dengan usaha Selangor untuk menstruktur semula industri tersebut.

Makluman pengambilalihan pengurusan air daripada syarikat konsesi dalam tempoh 14 hari dibuat melalui surat yang ditulis Kerajaan Negeri kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Kah Fui.



lihat muka 2



Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Selangor berjaya mencapai sasaran nilai pelaburan melebihi jumlah purata yang ditetapkan pada tahun lalu, iaitu sebanyak RM10 bilion bagi tempoh Januari hingga Oktober 2012.

Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Teresa Kok (**gambar**) berkata, bagi tempoh itu, Selangor mencatat rekod tertinggi berbanding negeri lain, dengan ca-tatan melebihi RM10.5 bilion melibatkan 211 projek perki-langan yang diluluskan.

Katanya, jumlah itu mewakili sebanyak 30 peratus daripada jumlah nilai



# Capai sasaran pelaburan RM10 bilion pada 2012

pelaburan di Malaysia.

Beliau berkata, daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di Selangor, sebanyak RM6.5 bilion (62%) adalah daripada pelaburan tempatan, manakala sebanyak RM3.9 bilion (38%) daripada pelaburan asing.

"Daripada 211 projek itu, sebanyak 131 projek merupakan projek baru dengan

nilai RM7.477 bilion dan sebanyak 80 projek merupakan projek pembesaran dan pelbagai dengan nilai pelaburan berjumlah RM3.043 bilion.

"Dari segi potensi peluang pekerjaan pula, Selangor turut mencatat jumlah potensi peluang pekerjaan tertinggi sebanyak 18,975 peluang pekerjaan. Dari segi peratus, mencatatkan sebanyak 31 peratus daripada jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan di Malaysia," katanya dalam sidang media di

Bangunan SUK, di sini.

Beliau menambah, industri pembuatan barangan peralatan kenderaan mencatatkan nilai pelaburan tertinggi berjumlah RM4.4 bilion dengan 34 projek. Ia diikuti dengan Industri Pembuatan Barangan Elektrik dan Elektronik sebanyak RM1.5 bilion dengan 19 projek.

"Daerah Petaling mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi, diikuti dengan Hulu Selangor dan Klang," katanya.

Tambahnya, jumlah itu

menunjukkan Selangor masih kekal sebagai destinasi pilihan pelaburan tempatan dan asing, malah pelabur tempatan menaruh harapan keyakinan dan kepercayaan terhadap kepimpinan Kerajaan Negeri.

Untuk rekod, berdasarkan statistik yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sejak 2008 hingga Oktober 2012, Selangor muncul negeri tertinggi dengan jumlah sebanyak RM48.53 bilion.

dari muka depan

## Penerangan air kepada rakyat

Pada ketika ini, operasi air terawat dikendalikan syarikat konsesi Puncak Niaga Sdn Bhd, Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) dan Konsortium ABASS Sdn Bhd.

Pada 31 Januari 2010, Kerajaan Negeri menawarkan nilai pampasan sebanyak RM9.27 bilion namun jumlah tersebut ditolak kesemua syarikat tersebut.

Dalam perkembangan sama, Kerajaan Negeri akan memberikan penerangan kepada rakyat mengenai pelan dan langkah-langkah yang akan dilakukan selepas pengambilalihan perkhidmatan air ini dalam 'Forum Air Untuk Rakyat' yang akan diadakan selama 10 hari bermula 18 Februari sehingga 28 Februari di seluruh negeri.

Antara jurucakap yang terlibat adalah Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad; Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago; Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar; Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua, Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli dan Setiausaha Politik kepada Menteri Besar, Faekah Husin.

"Kita akan iklankan tarikh dan tempat forum air ini akan diadakan di beberapa akhbar utama untuk memudahkan rakyat merancang dan membuat persediaan awal.

"Kita berharap rakyat dapat gunakan forum air sebagai platform untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini berhubung isu air di Selangor dan Lembah Klang," ujar beliau lagi.



### CERIA...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyampaikan angpau kepada petugas media selepas Sidang Media Mesyuarat Exco Kerajaan Selangor di Tingkat 20 Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) di Shah Alam, sempena Sambutan Tahun Baru Cina

## Menteri Besar cadang bina Sekolah Menengah Teknik Islam di Ijok

BESTARI JAYA - Penduduk DUN Ijok di sini bakal memiliki satu lagi kemudahan pendidikan terbaik dan berkualiti apabila cadangan untuk pembinaan Sekolah Menengah Teknik Islam bakal direalisasikan dalam jangka masa terdekat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, butiran lanjut berkenaan pembinaannya itu nanti akan dimaklumkan dari masa ke semasa sebagai usaha meningkatkan keupayaan pelajar bagi memiliki kemahiran yang diperlukan.

"Ramai anak-anak muda yang kurang dari segi teknikal, jadi ada sesetengahnya yang tidak tertarik dalam bidang akademik tetapi sangat berminat dalam kema-

hiran teknikal.

"Jadi dengan itu kita dapat mengurangkan keciciran mereka yang tidak mempunyai kemahiran demi kerjaya mereka di masa hadapan," kata Abdul Khalid dalam sidang media di sini.

Sebelum itu, beliau bersama-sama penduduk di Jaya Setia dalam Sambutan Maulidur Rasul yang diadakan di pekarangan Masjid Jamiul Hasanah Jaya Setia di sini.

Beliau turut menyampaikan sumbangan kepada pihak masjid yang diterima oleh Penasihat Masjid, Othman Badaei.

Sementara itu, menurut Pengurus Besar Yayasan Selangor, Ilham Marzuki ketika dihubungi berkata, tapak pembinaan

untuk sekolah berkenaan sedang dikenal pasti yang dijangkakan berkeluasan kira-kira 30 ekar.

Ujarnya lagi, kos anggaran pembinaan sekolah berkenaan adalah kira-kira RM50 juta tidak termasuk harga tanah.

"Kita sudah ada baru satu mesyuarat dan mesyuarat lanjut akan dijalankan dalam masa terdekat.

Katanya, kemungkinan sekolah itu nanti akan diuruskan di bawah kendalian pihak Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

"Kalau kita hendak bina, kita akan membinanya mengikut kehendak Kementerian Pelajaran yang lengkap daripada segala kemudahan," ujarnya.



# Skim TUNAS: Semua tadika, pra sekolah layak mohon

SHAH ALAM - Semua tadika yang berada dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta pra sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia di Selangor layak memohon Skim bantuan Tadika Selangor (Tunas).

Exco Pendidikan Selangor, Dr Halimah Ali menjelaskan, skim ini sebagai usaha Kerajaan Negeri membantu ibu bapa dan pihak tadika dibawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Tegasnya, dengan peruntukkan berjumlah RM1,016,600 untuk tahun 2012 dan RM3 juta bagi tahun 2013, pihak tadika hanya perlu mendaftar di bawah Majlis Permuafakatan Tadika Selangor (MPTS) bagi mendapatkan bantuan berkapita sejumlah RM50 sebulan.

“Skim ini untuk anak berumur lima dan enam tahun yang ibu bapanya dari pada golongan berpendapatan rendah di bawah RM1,500 dan dihantar ke tadika yang berdaftar dengan MPTS.

“Skim Tunas ini bertujuan membantu mengurangkan bebanan ibu bapa yang terpaksa membayar kos yuran. Anak-anak mereka dihantar ke tadika dan pra sekolah yang dibayar secara bulanan dan terus ke akaun tadika yang berdaftar dengan MPTS,” katanya ringkas.

Penjelasan ini sekaligus menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri tidak menunaikan janji untuk memberikan bantuan pembiayaan kepada anak-anak kecil yang memasuki

alam pra persekolahan dan tadika.

Beliau menambah, Kerajaan Negeri akan menganjurkan sambutan Hari Tadika Selangor 2013 pada 24 Februari ini bertempat di Kompleks Belia dan Kebudayaan Seksyen 7, Shah Alam, bermula jam 8 pagi sehingga 1 tengah hari.

Sambutan ini bakal menghimpunkan ibu bapa serta guru dan pengusaha tadikan, di samping seramai 2,013 pelajar tadika yang akan menjayakan program berkenaan.

## Info Skim Tunas

Tahun	Jumlah Permohonan	Jumlah Bayaran
2012	217	RM214,175
2013	339	RM90,000 (sehingga Januari)
Pecahan permohonan ikut kaum		
Melayu		89 peratus
Cina		9 peratus
India		2 peratus

*Tunas memberi peluang pendidikan kepada anak-anak Selangor, selain meringankan beban ibu bapa berpendapatan sederhana*



Oleh AFEEQA AFEERA

BANTING - Kerajaan Pusat disaran bersikap terbuka dan tidak menyekat mana-mana tadika di bawah kementerianya menyertai Skim Bantuan Tadika Selangor (Tunas) yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Selangor.

Menurut Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, kebanyakan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke tadika Kerajaan Pusat mahu mendapatkan manfaat skim Tunas.

Namun katanya, sebilangan besar ibu bapa ditakut-takutkan dengan dakwaan bahawa ia perlu mendapat ‘lampu hijau’ daripada Kementerian Pelajaran.

“Kita mengharapkan supaya Kerajaan Umno-BN yang mahu melakukan transformasi perlu bersikap terbuka. Polisi Kerajaan Negeri ini adalah untuk semua tanpa mengira fahaman politik.

“Walaupun di Kemas, yurannya mungkin tidak banyak, tetapi sekiranya mereka menyertai skim ini, mereka tidak perlu bayar langsung.

“Kita tidak pernah sekat mana-mana ahli Pakatan Rakyat (PR) untuk terima skim yang ditawarkan oleh Umno-BN, jadi kita harapkan sebaliknya.

“Kita perlu profesional,” katanya semasa merasmikan mini Karnival Jelajah

# Halimah: Pusat jangan sekat bantuan Tunas

Jejak Tunas 2012 Siri Kelapan Peringkat Kuala Langat di Dewan Harmoni, Kampung Sungai Lang Tengah, di sini.


Skim Tunas di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) adalah bantuan yuran sebanyak RM50 setiap bulan untuk keluarga berpendapatan rendah bagi menghantar anak mereka ke tadika.

Bantuan RM50 dibayar terus kepada tadika yang berdaftar dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor (MPTS).

Majlis yang dihadiri 500 tetamu itu menyaksikan 30 tadika di bawah daerah Kuala Langat mendaftar di bawah Skim Tunas.

Hingga kini seramai 1,903 ibu bapa mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bantuan Tunas bagi tahun 2012, sementara itu 1,800 permohonan dicatatkan sehingga 31 Januari untuk tahun 2013.

Untuk tahun 2013, MPTS menasaskan 5,000 permohonan ibu bapa untuk Skim Tunas sehingga penghujung Disember.





# Anwar: Nilai ketirisan mampu tampung pendidikan percuma

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Nilai ketirisan wang rakyat dan pembaziran yang dilakukan Kerajaan Pusat kini bukan sahaja mampu menampung kos pendidikan percuma malah lebih dari mencukupi.

Menurut Penasihat Ekonomi Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyampaikan ucapatama di Konvensyen Antarabangsa Pendidikan di Universiti Selangor (Unisel) di sini, dakwaan bahawa negara akan muflis sekiranya pendidikan percuma dilaksanakan juga adalah suatu pembohongan Umno-BN.

"Penyebab negara boleh muflis adalah disebabkan pembaziran dan ketirisan kerajaan dalam berbelanja, bukan sebab beri rakyat pendidikan percuma.

"Contohnya kita dapat lihat Kerajaan Negeri Selangor bina jalan dengan spesifikasi sama dengan jalan dibina Kerajaan Pusat, tetapi kos Kerajaan Negeri

jimat lebih 30 peratus" kata beliau dalam ucapatama yang bertajuk 'Pendidikan Percuma di Malaysia: Suatu Realiti' di sini.

Anwar yang juga merupakan Ketua Pembangkang itu turut mengingatkan kerajaan agar keperluan pendidikan percuma dan isu kualiti pendidikan negara hendaklah diambil perhatian yang serius.

Justeru, Pakatan Rakyat (PR) berjanji akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pemimpinnya sekiranya menentang kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) tahun ini.

Sebelum ini, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang turut menyampaikan ucapatama bertajuk 'Dasar Pendidikan Malaysia Daripada Perspektif Holistik'.

Dalam konvensyen yang dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim itu, turut menampilkan pembentang kertas kerja dalam dan luar negara.



Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapannya semasa Konvensyen Antarabangsa Pendidikan yang diadakan di Universiti Selangor

## Nazri Aziz mengaku media perdana alat kerajaan

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Penilaian Pilihan Raya Muslim Eropah memaklumkan, pengakuan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz bahawa media perdana di negara ini sememangnya alat kepada kerajaan.

Ahli Jawatankuasa itu, Drs Fadime Orgu memberitahu, Nazri mengakui media arus perdana memang alat untuk kerajaan ketika bertemu di parlimen.

"Pimpinan pembangkang ketika kami temui hampir semua menyatakan tentang tidak ada

kesamarataan media dan pembangkang tidak diberi ruang langsung untuk menjelas agenda mereka dalam media arus perdana, terutama menjelang pilihan raya," katanya.

Beliau yang juga Mantan Ahli Parlimen Belanda selama dua penggal berkata, perkembangan pergerakan politik di Malaysia semakin baik.

"Beberapa pergerakan yang berlaku di Malaysia contohnya seperti Bersih, pergerakan memperjuangkan hak alam sekitar dan gerakan mahasiswa merupakan perkara yang positif.

"Berbanding sepuluh tahun lepas, kesedaran perubahan politik ini amat signifikan," kata beliau bersama rakan dalam pemerhati itu, Zouhair Amri.

Beliau turut berkata, kumpulan itu bersedia untuk menjadi pemerhati antarabangsa dalam PRU-13 dan kini menunggu jemputan daripada Kerajaan Malaysia.

## Pahlawan bantu tentera dituduh sertai HKR112

PETALING JAYA - Pertubuhan Prihatin Bekas Anggota Keselamatan Malaysia (Pahlawan) menyediakan khidmat guaman percuma kepada anggota tentera yang dikenakan tindakan atas pertuduhan menyertai Himpunan Kebangkitan Rakyat (HKR112).

Ini ekoran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengenal pasti beberapa anggota yang hadir dalam perhimpunan tersebut dan kini akan disabitkan dalam pertuduhan di bawah Akta ATM.

Pengerusi Pahlawan, Asri Buang berkata, kehadiran mereka adalah atas kapasiti individu tanpa menyertai mana-mana pergerakan NGO atau parti politik.

Ini disebabkan perasaan ingin tahun tentang perkembangan politik semasa secara

langsung.

Tambah Asri, mereka ini akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 87 Akta Memudaratkan Perkhidmatan.

"Pahlawan memandang serius perkara tersebut.

"Ini kerana menurut undang-undang yang ada, anggota tentera yang masih berkhidmat dalam perkhidmatan, bebas menyertai mana-mana perhimpunan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia dengan syarat tidak menyertai mana-mana NGO atau parti politik serta tidak membahayakan keselamatan negara," katanya.

Difahamkan seramai lima anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan seorang anggota tentera darat bakal berhadapan tindakan berkeenaan.



Kerajaan pusat digesa membenarkan pemantau antarabangsa dalam Pilihan Raya Umum ke-13



GERAN *selangorku*

# Jejantas Persiaran Tujuan legakan penduduk USJ 11, USJ13

Oleh NORHAYATI UMOR

**SUBANG JAYA** - Penantian penduduk USJ 13 dan USJ 11 di sini sejak empat tahun lalu untuk mendapat kemudahan jejantas bakal berakhir apabila Kerajaan Negeri meluluskan pembinaan kemudahan itu melalui Geran Selangorku.

Projek pembinaan jejantas penjalan kaki sepanjang kira-kira 21 meter yang bernilai RM435,660 kini dalam proses pembinaan dan dijangka siap dua bulan akan datang.

Jejantas terbabit akan menghubungkan penduduk USJ 11 ke USJ 13, berhadapan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 13.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh berkata pembinaan itu dilaksanakan kerana kluatir dengan situasi yang boleh mengundang kecelakaan terutamanya kepada pelajar sekolah.

"Persiaran Tujuan itu merupakan jalan utama yang paling sibuk di kawasan Subang Jaya selain Persiaran Kewajipan.

"Jika waktu puncak, kira-kira tujuh hingga 10,000 kenderaan akan melalui jalan ini kerana jalan ini juga merupa-

kan jalan pintas ke Kuala Lumpur dan Puchong, jadi keselamatan penduduk dan pelajar sekolah sangat membimbangkan," katanya ketika ditemui di lokasi pembinaan.

Sehubungan itu, beliau berharap ibu bapa dapat memberi kerjasama supaya tidak memberhentikan kenderaan ditepi jalan untuk mengambil dan menghantar anak mereka ke sekolah selepas pembinaan ini siap.

Sementara itu, wakil Rukun Tetangga USJ 13, Wilymn Lee, 53, berkata terdapat kemalangan kecil berlaku, namun setakat ini tidak melibatkan pelajar sekolah terbabit.

"Selama ini saya cukup risau keselamatan pelajar. Ada pelajar berbasikal menyeberang jalan ini, jadi jika ada jambatan ini, mungkin pelajar tidak perlu lagi menggunakan basikal.

"Kami bersyukur setelah menunggu begitu lama, akhirnya kami memperoleh jejantas sendiri. Pembinaannya akan dapat memastikan para pelajar sekolah ini melintas jalan dengan selamat," katanya.



Hannah meninjau tapak yang akan dibina jejantas bagi kemudahan pelajar sekolah

## Longkang atasi masalah banjir Kg Melayu Subang Tambahan

**SHAH ALAM** - Pembinaan longkang di Kampung Melayu Subang Tambahan, Seksyen U5 khususnya di Jalan Rambai dan Sukun berjaya mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di kawasan berkenaan.

Dengan kos RM165,000 yang diperolehi menerusi geran Selangorku, diusahakan Pusat Khidmat DUN Kota Damansara selepas menerima aduan penduduk berhubung masalah dihadapi mereka selama ini.

Abdul Aziz Dahalan, Pembantu Peribadi Adun Kota Damansara menjelaskan kerja pembinaan longkang itu disiapkan pada November tahun lalu.

"Longkang dibina ini memberi kelegaan kepada penduduk di kampung ini selain mengatasi masalah banjir kerana sebelum ini memang tiada longkang dibina di bahu jalan.

"Peruntukan disediakan Kerajaan Negeri memang banyak membantu mengatasi masalah rakyat tambahan hubungan mesra antara wakil rakyat, Dr



SELESAI... Abdul Aziz menunjukkan longkang yang siap dibina

Nasir Hashim dengan penduduk memudahkan segala urusan diselesaikan," katanya.

Setiausaha Persatuan Penduduk Kampung Melayu Subang Tambahan, Hamim Hamzah berkata, kampung berusia lebih 18 tahun itu memang menghadapi masalah ketiadaan longkang untuk saluran air.

Dengan terbinanya longkang di kedua-dua laluan itu, katanya, melengkapkan pembinaan di situ kerana laluan lain menerima kemudahan sama sebelum ini.

"Kita rasa gembira dengan kemudahan diberikan dan masalah dihadapi juga berjaya di atasi," katanya.



Papan kenyataan tentang cadangan membina jejantas



# Cadang elaun khas kepada kakitangan pakar hal ehwal tanah

Oleh NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan meminta Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri supaya memberikan elaun khas kepada kakitangan yang mempunyai kepakaran terhadap hal ehwal tanah.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata elaun itu wajar diberikan selepas pihak PTG mengadakan kursus kemahiran dan pendidikan kepada kakitangannya berserta sijil.

"Saya mahu penjawat awam mempunyai kemahiran dan keupayaan yang luas. Kita bagi mereka ilmu dan dengan ilmu itu mereka dapat jalankan pelbagai tugas.

"Jika mereka lulus, kita bagi elaun. Di Selangor, kita menadbir dengan telus, lebih lagi perkara yang melibatkan tanah.

"Kita banyak selesaikan isu tanah yang berbangkit, contohnya kita berjaya selesaikan projek perumahan terbelkai Bukit Botak dan Alam Perdana di Puncak Alam. Juga

masalah kegagalan segelintir pemaju perumahan menjelaskan bayaran premium dalam tempoh yang ditetapkan.

"Oleh itu, mereka ini perlu belajar bagaimana cara kita menadbir dan menyelesaikan masalah-masalah ini. Juga belajar sesuatu yang baru, contohnya penggunaan teknologi atau sebagainya," katanya selepas Merasmikan Bengkel Pengurusan Tanah Negeri bagi tahun 2008-2012.

Hadir sama Pengarah PTGS, Datuk Kamarulzaman Jamil dan Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan Selangor, Rodziah Ismail.

Tambahnya, dengan pendekatan itu, kakitangan dapat mempelajari dan mengubah cara pentadbiran yang diikuti sebelum Kerajaan Negeri yang baru ini.

"Sekarang kita masuk ke peringkat menyelesaikan secara keseluruhannya iaitu masalah pemilikan dan pentadbiran tanah secara keseluruhannya, bukan separuh jalan sahaja.

"Walaupun tidak mudah untuk mereka memahami perkara yang melibatkan undang-undang tanah, tetapi ia satu kriteria yang membolehkan mereka jalani tugas dengan teratur," katanya.



Abdul Khalid dalam sidang media selepas merasmikan Bengkel Pengurusan Tanah Negeri

## Pengurusan tanah negeri ditambah baik

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan mengaji dan meneliti semula dasar pembangunan serta peraturan berhubung isu-isu dasar pengurusan tanah di negeri ini bagi memastikan pengurusannya berjalan dengan lancar dan teratur dalam usaha menjaga aset negeri supaya tidak terbiar begitu sahaja sehingga merugikan negeri.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul

Khalid Ibrahim berkata, ia juga perlu dilakukan sebagai usaha untuk menilai dan mengukur keberhasilan terhadap tindakan yang dikuatkuasakan sebelum ini.

"Pada masa yang sama supaya dapat dilakukan penambahan terhadap kaedah tatacara pengurusan tanah seperti isu pelupusan, pemberimilikan tanah, masalah peneroka, pe-

ngunaan kadar premium tanah, ni lai pembangunan kasar, pengeluaran lesen pendudukan sementara dan perampasan tanah.

"Ia juga termasuklah memberi ruang untuk merangka dasar-dasar baru bagi mengatasi pelbagai masalah dan isu tanah," katanya di Shah Alam Convention Center, di sini.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian negeri (PTGS), Datuk Kamarulzaman Jamil berkata, bengkel ini diadakan untuk mendapatkan pandangan, syor-syor dan komen berkaitan dengan pelaksanaan dasar pekeliling dan arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Ia juga termasuk penyelarasan dasar serta peraturan sedia ada seperti Garis Panduan Kegunaan Tanah. Sehubungan itu, kita dapat meneliti semula dasar yang sedia ada dan membuat penambahbaikan dasar yang perlu dari segi pelaksanaannya serta menilai dan menganalisa sejauh mana penguatkuasaan pekeliling PTGS," katanya.

Bengkel sehari itu disertai kira-kira 500 peserta daripada PBT, Ketua Kampung, Ahli Jawatankuasa Kerja Penduduk dan pegawai PTGS.



Sebahagian daripada penjawat awam dan peserta bengkel yang hadir

**Selangor Kini**

**SIDANG REDAKSI**

**PENASIHAT**

Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG**

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

**PENGARANG BERITA**

Najib Hashim

**PEN. PENGARANG BERITA**

Mohd Ezli Mashut

**PEMBANTU PENGARANG**

Rusidah Salim

**WARTAWAN**

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

**JURU GAMBAR:**

Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKALETAK**

Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,  
No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13,  
40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: news@selangorkini@gmail.com



# Harga RMM pasang siap tidak lebih RM100,000

SHAH ALAM - Pakar dari dalam dan luar negara akan dipanggil Kerajaan Negeri berhubung pembinaan projek 'Rumah Mampu Milik Pasang Siap' yang mula dilaksanakan menerusi Belanjawan 2013.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pakar-pakar luar negara dari United Kingdom dan Jepun itu akan diminta memberikan pendapat dan cadangan dalam penyediaan rumah itu nanti dengan cara yang terbaik.

Katanya, hasil pembinaan itu, rakyat akan dapat menikmati dengan harga yang murah, iaitu tidak melebihi

RM100,000.

"Di Selangor, khususnya Shah Alam, harga tanah semasa tinggi, setiap lima tahun tanah yang berharga RM10 sekaki akan menjadi RM30 sekaki, ka-

**Dan menjadi polisi Kerajaan Negeri, setiap pembangunan tanah di 10 ekar tanah, mestilah mempunyai projek pembinaan Rumah Mampu Milik**

**- ABDUL KHALID Menteri Besar**

lau harga tanah tinggi, lagi ramai yang mahu membelinya.

"Jadi untuk rakyat yang tidak mampu, itu kita akan sediakan mereka rumah mampu milik. Dan menjadi polisi Kerajaan Negeri, setiap pembangunan tanah di 10 ekar tanah, mestilah mempunyai projek pembinaan Rumah Mampu Milik," katanya sewaktu merasmikan Bengkel Pengurusan Tanah negeri bagi tahun 2008-2012.

November lalu, dalam sidang Dewan Negeri (DNS) sejumlah RM50 juta diperuntukkan bagi tujuan pembinaan Rumah Mampu Milik melalui projek 'Rumah Mam-

pu Milik Pasang Siap' (Pre-fabricated Packages Home) yang bakal dikendalikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mulai ini menerusi Belanjawan 2013.

Inisiatif itu bertujuan membantu rakyat yang terbeban dengan harga rumah yang melambung di pasaran pada ketika ini.

Projek itu diyakini mampu memberi keseimbangan terhadap harga tinggi dalam trend lonjakan harga rumah kesan daripada penawaran dan permintaan pasaran akibat pengambilan untung yang keterlaluan di kalangan pemaju.

## Harga rumah naik bukan sebab pasir

CHERAS - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menolak dakwaan yang dilemparkan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar bahawa kenaikan harga pasir menyebabkan harga rumah meningkat.

"Sumbangan pasir kepada harga rumah kurang daripada tiga peratus.

"Jadi, harga pasir mesti meningkat tiga ribu peratus baru ada kenaikan harga rumah, jadi dakwaan itu tidak benar," kata Abdul Khalid.

Dilaporkan sebelum ini bahawa Noh mendakwa harga rumah di Selangor meningkat kerana kenaikan harga pasir di Selangor kepada RM800 untuk satu lori 30 tan.

Abdul Khalid berkata demikian dalam sidang media selepas melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Sambutan Tahun Baru Cina yang diadakan di Pasaraya AEON Cheras Selatan, di sini.

Dalam majlis itu, Abdul Khalid berharap kempen itu dapat mengurangkan kadar kemalangan yang berlaku.

"Rancang perjalanan dengan baik, sentiasa gunakan tali pinggang keledar dan patuhi had laju yang ditetapkan serta tidak gunakan lorong kecemasan," ujarinya.

Kempen itu adalah anjuran Majlis Keselamatan Jalan Raya (MJKR) Selangor dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Tahun Baru Cina.

Kempen ini turut dihadiri Exco Selangor, Ronnie Liu, Rodziah Ismail dan Dr Xavier Jayakumar.

Turut hadir Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Selangor, Datuk Tarmedi Omar yang merangkap Timbalan Pengerusi MJKR Selangor serta Ketua Pengarah MJKR Malaysia, Datuk Dr Tam Weng Wah.

Objektif kempen ini adalah untuk menyerup penggunajalan raya agar sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan had laju semasa membawa kenderaan pulang ke kampung.

# Arah pemaju baik pulih pangsapuri retak

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mahu pemaju Pangsapuri Indahria untuk segera melaksanakan kerja-kerja membaik pulih bangunan tersebut yang kini berhadapan masalah rekahan tanah sehingga menyebabkan strukturnya retak sejak setahun lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, sekiranya pemaju enggan melaksanakan kesemua kerja itu, Kerajaan Negeri akan mengarahkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk mengambil alih usaha pembaikan.

MBSA kemudian akan menuntut bayaran daripada pemaju untuk kos-kos baik pulih.

"Kita telah minta pemaju untuk membetulkan masalah rekahan yang berlaku dan jika pemaju tidak melakukan sebarang tindakan, saya akan arahkan MBSA untuk teruskan usaha pembetulan.

"Bagaimanapun kesemua kos penyelenggaraan itu akan diserahkan kepada pemaju untuk diselesaikan," katanya selepas melancarkan Sistem Pengurusan Sosial E-Gems di Auditorium Jubli Perak, SUK.

Tambahnya, kesuaian penduduk untuk



**Rekahan serius di Pangsapuri Indahria terus menimbulkan kebimbangan penduduk**  
**Gambar kecil: Rekahan**

terus mendiami pangsapuri tersebut hanya akan diputuskan oleh Datuk Bandar Shah Alam.

Sebelum ini dilaporkan kira-kira 1,000 penduduk di pangsapuri tersebut bimbang akan keselamatan mereka apabila rekahan

tanah di bangunan itu semakin serius.

Keretakan itu dipercayai berpunca akibat rekahan tanah di kawasan tempat letak kenderaan yang terletak bersebelahan pangsapuri 15 tingkat itu yang menyebabkan tiang struktur parkir condong.



▶ Sekolah Kebangsaan Sri Kelana dan Sahabat Komuniti Sungai Way, menjadi juara Pertandingan Mengumpul Minyak Masak Terpakai 2012 anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Pada majlis tersebut, Adun Kajang, Kim Sin Lee turut melancarkan Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai Kepada Biodiesel 2013



▶ PANTAS... kanak-kanak ini bersemangat menghayun langkah menggunakan kasut gergasi untuk menuju ke garisan penamat sewaktu Program Sukaneka Rakyat Ampang



▶ Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud, bersama petugas Pusat Khidmat Masyarakat, mengagihkan lima Manderin di sekitar Taman Sentosa, Klang



▶ Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang dengan kerjasama Nisa Gombak, menganjurkan Pertandingan Bola Jaring Piala ADUN Hulu Kelang yang diadakan di Dataran Anak Muda, Jalan H1, Taman Melawati. Dalam pertandingan tersebut, Kumpulan Dodgers menjadi juara pertandingan



▶ Program Jom Shopping terus mendapat sambutan golongan warga emas. Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar, bersama petugas Pusat Khidmat DUN, menemani peserta program membeli-belah di Econsave Jalan Reko, Kajang



▶ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali, bersama Ahli Majlis, ketua kampung, ahli Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) Selangor, serta penduduk Pulau Ketam, sempena sambutan Tahun Baru Cina



▶ Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan, Rodziah Ismail, merasmikan Pusat Wanita Berdaya, DUN Sungai Pelek, bertempat di Balai Raya JKKK, Kampung Sepang



▶ Adun Chempaka, Iskandar Samad meraikan AJK Masjid dan Surau di De' Palma, Ampang, dalam program Jamuan Terima Kasih Rakyat



▶ Adun Meru, Dr Rani Osman bersama rombongan Misi Kemanusiaan ke Gaza melawat Palestine Hayfa Medical Centre dan Assalama Charitable Society bagi memberi bantuan perubatan dan kerusi roda kepada pesakit



Peperiksaan Sijil Menengah Agama

# Selangor catat keputusan cemerlang

Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Keputusan keseluruhan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) tahun 2012 Negeri Selangor menyaksikan peningkatan positif sebanyak 5.3 peratus bagi Sekolah Agama Menengah Negeri Selangor.

Peningkatan ini menyaksikan pencapaian keputusan 92.1 peratus untuk tahun 2012 berbanding perolehan 86.8 peratus bagi tahun 2011.

Perkhabaran gembira keputusan peperiksaan dicatatkan menerusi perolehan keputusan 100 peratus dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama Tahfiz Al-Quran (SMATQ).

Perkara ini diumumkan sendiri Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Datuk Marzuki

Hussin pada Majlis Pengisytiharan Peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Menengah Agama Tahfiz Al-Quran (SMATQ) Tahun 2012 bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Untuk peperiksaan SMA tahun 2012, seramai 3,130 orang calon daripada 23 buah Sekolah Agama Menengah (SABK) dan dua buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MIST) termasuk 248 calon dari 12 Sekolah Menengah Islam Persendirian dan Sekolah Menengah Agama (SMA MAIWP).

Bagi Peperiksaan Sijil Menengah Agama Tahfiz Al-Quran (SMATQ) pula menyaksikan seramai 222 orang calon menduduki peperiksaan dari dua buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan

Teknologi Selangor.

Sementara itu, MIST Istana Banda Kuala Langat mengungguli kategori Sekolah Agama Menengah (SMA) dan Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MIST) berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) dengan perolehan 1.46.

SAM Bestari USJ Subang Jaya, Petaling, menduduki tempat kedua dengan GPS 1.50, manakala MIST Klang catatkan GPS 1.81.

Untuk kategori SMA dan SMI Persendirian cemerlang, SMA Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (SMA MAIWP) mencatatkan GPS 1.32 manakala SMI Ibnu Khaldun, Klang dengan GPS 2.98.

Marzuki yang ditemui selepas majlis nyata berpuas hati dengan keputusan peperiksaan yang dicatatkan bagi tahun 2012 dan ber-



Dr Halimah bersama pelajar yang menerima anugerah cemerlang

harap kecemerlangan ini dapat diteruskan.

"Keseluruhan kita kita lihat peningkatan meskipun terdapat beberapa subjek mencatatkan penurunan (keputusan).

"Walaupun usaha cikgu itu sudah bersungguh-sungguh, penurunan pencapaian pelajar kita tidak dapat nafikan kerana bergantung kepada persediaan pelajar (sendiri)," katanya.

## Cari keberkatan Allah kunci jadi pelajar cemerlang

**SHAH ALAM** - Jangan memandang remeh perkara kecil meskipun hanya membuang sampah kecil ke dalam tong sampah dalam usaha mencari keberkatan Allah SWT menjadi kunci kejayaan pelajar perempuan cemerlang kategori SAM (SABK) dan MITS Negeri Selangor, Aida Nazirra Mazni (*gambar*).

Beliau menegaskan, keberkatan dan reda Allah SWT sangat penting bukan sahaja bergantung dengan menelaah pelajaran semata-mata.

"Allahuakbar... berkat doa guru dan ibu bapa, alhamdulillah di atas kejayaan ini.

"Sebenarnya tidak sangka dapat kejayaan sebegini, sebab usaha memang usaha. Keberkatan paling penting. Dalam apa yang kita buat, keberkatan kita kena fikirkan dahulu," katanya.

Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Banda, Kuala Langat ini memperoleh keputusan cemerlang dengan pencapaian 99.0 peratus.

Kategori pelajar lelaki terbaik Sijil Menengah Agama Tahfiz Al-Quran (SMATQ) 2012, Mohamad Faiq Mohamad Sharin yang mendapat keputusan 78.9 peratus mengingatkan semua pelajar agar sentiasa mendekati diri kepada Allah SWT, lebih-lebih lagi menje-

lang detik peperiksaan.

Menurut pelajar Maahad Integrasi Sains dan Teknologi Klang ini, kejayaan cemerlang hanya akan diperoleh dengan izin Allah SWT dan selain daripada usaha mengulangkaji pelajaran.

Sementara itu, Muhammad Mujaheed Mohamed dari SAM Bestari USJ Subang Jaya, Petaling, pula melahirkan ucapan terima kasih terutama kepada ibu bapa dan guru yang selama ini menjadi tonggak penting di dalam kejayaan beliau.

Beliau diumumkan sebagai pelajar lelaki cemerlang SMA 2012 kategori SAM (SABK) dan MITS Negeri Selangor dengan pencapaian 98.2 peratus.

Bagi pelajar perempuan cemerlang kategori Sijil Menengah Agama Tahfiz Al-Quran (SMATQ) 2012, Zainab Ismail, berkat doa kedua ibu bapa menjadi pendorong kejayaannya selama ini.

Zainab merupakan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Banda, Kuala Langat, memperoleh 79.4 peratus. Kesemua mereka penerima trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali.

**SUBANG parkhomes**  
Kondominium & Villa HIJAU  
PEGANGAN BEBAS

**BERDEKATAN DENGAN TEMPAT KUNJUNGAN TERNAMA DAN DISAMPING KETENANGAN ALAM SEMULAJADI.**

<b>HAK MILIK</b> mudah	<b>1%</b> bayaran pendahuluan*	<b>0%</b> kadar faedah*
<b>Percuma</b> yuran guaman perjanjian jual beli**	<b>Percuma</b> duti setem perjanjian pinjaman & yuran guaman**	

**Harga bumiputera daripada RM908,000\***

**TITIJAYA**  
BUILT TO INSPIRE

**POWER**  
PRO

**PRO**

**PRO**

**Eksklusif. Bertingkat rendah. Kediaman berkonsepkan resort yang dilengkapi kemudahan lif.**

Dibawakan kepada anda oleh Titijaya, pemenang Anugerah berprestij pada tahun 2010 iaitu Anugerah Hartanah Komersial S-Bintang 2010 (Penggunaan Campuran Terbaik Pembangunan Malaysia)

PEMAJU: SENDI BANGGA DEVELOPMENT SDN BHD (550372-w) (Ahi Kumpulan Titijaya)

IBU PEJABAT: N-16-01 Penthouse, Level 16 First Subang, Jalan SS15/4G, 47500 Subang Jaya, Selangor.

T 03.8022 9999 F 03.8022 9988 www.subangparkhomes.com.my

PROPERTY GALLERY: R-G-5, Block Emerald, ONE SOHO, 47500 Subang Jaya, Selangor.

T 012.779 6422 / 012.633 0108

No. Lesen Pemas: 10693-208-2013/006 Tempoh Sah Lesen: 27/8/2008-26/8/2013. No. Permit Ikan & Jualan: 10693-21/036/2013/017 Tempoh Sah Lesen: 06/07/2012-05/07/2013. Pihak Berkuasa yang Merulatkan Pejan Pembangunan: Majlis Pertahanan Subang Jaya. No. Pejan Pembangunan: MPS1692W/A-9/20. Pajakan Tanah: Pajakan Bebas. Tarikh Dijaika Slip: Disember 2011. Cagaran: OCBC Bank (Malaysia) Berhad. Jumlah Unit: 479 unit. Harga Jualan: RM420,000/mey - RM1,209,540/mak. Dikauk Bumiputera: N/A. Semua langkah yang sewajarnya telah diambil dalam penaklukan ini dan pihak pemaaju tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan. Semua maklumat adalah tertakut pandangan peribadi sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai perjanjian daripada tawaran atau kontrak. \*Tersiluk kepada terma dan syarat. \*\*Tersiluk kepada panel peguam & panel bank sahaja.



# Penduduk tidak puas hati BN cat flat tanpa persetujuan



Rumah flat yang dicat tanpa persetujuan penduduk

PETALING JAYA - Pemimpin Umno-BN dibidas kerana melaksanakan kerja-kerja mengecat Rumah Flat di Medan Maju Jaya tanpa persetujuan Jawatankuasa Penduduk di situ.

Adun Taman Medan, Haniza Talha berkata, rumah flat itu pada awalnya sudah didaftarkan di bawah Skim Ceria Kerajaan Selangor untuk kerja-kerja pembaikan bumbung dan mengecat.

Ujarnya, penduduk di situ tidak berpuas hati dengan pemilihan warna yang digunakan kerana sebelum ini mereka sudah membuat keputusan berkenaan warna yang dipilih.

“Pihak Umno-BN tidak bertanggungjawab dengan mengecat bangunan tanpa meminta pandangan daripada penduduk.

“Sepatutnya mereka bertanya kepada penduduk dahulu untuk memilih warna cat, itu cara yang terbaiknya,” kata Haniza ketika ditemui.

Jelas Haniza, sikap Umno-BN ini menyerlahkan karektor parti itu yang tidak sudi mendengar pandangan daripada pihak rakyat.

“Kita akan berbincang lagi dengan penduduk untuk menambah cat lagi agar lebih ceria dan mempunyai identiti tersendiri,” katanya.

**Sikap Umno-BN ini menyerlahkan karektor parti itu yang tidak sudi mendengar pandangan daripada pihak rakyat, kita akan berbincang lagi dengan penduduk untuk menambah cat lagi agar lebih ceria dan mempunyai identiti tersendiri**

**- HANIZA TALHA**  
Adun Taman Medan

# Adun Teluk Datuk bantu mangsa rumah terbakar

Oleh LIZAWATI MADFA

TELUK DATUK - Tiga buah keluarga yang menjadi mangsa kejadian rumah terbakar di Kampung Sungai Cheeding di sini masing-masing menerima sumbangan kilat berjumlah RM1,000 setiap keluarga daripada Adun Teluk Datok, Philip Tan.

Kebakaran awal pagi itu memusnahkan dua buah rumah sewa di Lot 6694 Jalan Enggang.

Sehubungan itu, Philip yang melakukan tinjauan di lokasi kejadian bertindak menyalurkan bantuan kewangan segera untuk setiap keluarga yang terlibat.

“Mereka bukan sahaja kehilangan harta benda, malah lebih malang ada antara mereka kehilangan punca rezeki kerana semua terbakar.

“Sejam selepas lawatan, saya bawa mereka ke pejabat



**Mereka bukan sahaja kehilangan harta benda, malah lebih malang ada antara mereka kehilangan punca rezeki kerana semua terbakar, mereka di bawa ke pejabat untuk mengambil sumbangan wang**

**- PHILIP TAN**  
Adun Teluk Datok

untuk mengambil sumbangan wang. Saya harap wang tersebut sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa,” ujar Philip.

Mereka yang menerima



Philip Tan menghulurkan sumbangan kepada keluarga mangsa

sumbangan ialah Normahzurah Mohammad dan Tukmia Ahmad yang merupakan penyewa kedua-dua rumah tersebut.

Turut menerima sumbangan ialah tuan rumah tersebut, iaitu Mohamad Hanif Samani.

“Beliau tidak mempunyai pendapatan lain selain rumah sewa tersebut, maka saya percaya beliau juga layak menerima bantuan kewangan,” jelas Philip.

Tambah beliau, kesemua mangsa kini menumpang buat sementara di rumah saudara mara.

Selain bantuan kewangan, Philip turut menyalurkan bantuan lain seperti selimut, bantal dan tikar.

## Jualan Murah PROMOSI PRODUK ARAB

(1hb Februari - 28hb Februari 2013)

Jenama/Produk	Harga (RM)	Jenama/Produk	Harga (RM)
MAZZA 1.5 liter	2.50	LUNA - Kacang Ful 400g	2.00
ORIGINAL 1.5 liter	4.00	AMERICANA - Kacang Ful 400g	2.00
RANI 1.5 liter	4.50	HERO CHEF - Spaghetti 250g	2.00
FARAGELLO 1 liter	3.50	BURCU - Kordial Delima 345g	9.00
CAESAR 1.0 liter	5.50	BURCU - Jem Buahhan 380g	5.00
BARBICAN 330ml	2.20	ALMARAI - Cheese 140g	5.50
LUNA - Ice Coffee 200ml	1.50	AL SHIFA - Madu 500g	25.00
VIMTO - Kordial 710ml	9.00	ZAM ZAM - Madu 500g	20.00
ORIGINAL 250ml	1.00	KURMA AJWA 1kg	95.00
AIR ZAM ZAM 10 liter	95.00	KURMA SAFAWI 1kg	30.00

### Usrah Halal Market

No.1-G-16, Wisma MAIS, Sek. 3, 40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 013-2917012 • Website: facebook.com/usrahalalmarket



Oleh NORHAYATI UMOR

PETALING JAYA - Sejar dengan misi memartabatkan institusi pendidikan anak-anak pekerja ladang, Kerajaan Negeri membina bangunan asrama untuk menempatkan anak golongan berkenaan.

Bertempat di Ijok, bangunan dua blok, tiga tingkat yang dilengkapi pelbagai kemudahan asas bagi menjamin pembelajaran lebih selesa itu dijangka

**Asrama ini adalah pertama di Malaysia yang khusus kepada golongan pekerja ladang. Ini satu permulaan untuk meningkatkan pelajaran anak-anak pekerja ladang dan bekas pekerja**

**- DR XAVIER**

Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin

# Asrama anak pekerja ladang pertama di Malaysia

siap dibina sebelum hujung tahun ini dengan kos sebanyak RM5 juta melalui peruntukan Geran Selangorku.

Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar memaklumkan, asrama terbabit menyediakan pelbagai kemudahan, antaranya dewan makan, rumah warden, pejabat warden, bilik rekreasi, bilik sakit, perpustakaan dan makmal komputer yang berkeluasan lapan ekar.

Katanya, asrama itu akan mampu memuatkan sekurang-kurangnya 500 pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga lima.

Tambahnya, Pakatan Rakyat (PR) benar-benar berhasrat untuk menolong masyarakat ladang agar berjaya dalam bidang pelajaran dan bebas dari-



Menteri Besar melihat banner bangunan asrama yang bakal dibina

pada masalah sosial dan kemiskinan.

"Asrama ini adalah pertama di Malaysia yang khusus kepada golongan pekerja ladang. Ini satu permulaan untuk meningkatkan pelajaran anak-anak pekerja

ladang dan bekas pekerja.

Majlis pelancaran asrama itu dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di hadapan kira-kira 1,000 pekerja ladang di Bangunan Peladang, di sini.

Bagi penduduk, P Sumathy, 42, berkata, inisiatif yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri itu mampu menjadikan pelajar, khususnya anak pekerja ladang menjadi golongan yang berpelajaran tinggi suatu masa nanti.



**Wharf 72**

Pembangunan Komprehensif yang Paling Terbesar di Kuala Selangor

Meliputi **323** ekar tanah

**HAK MILIK KEKAL**



**Projek 1**



**GA Boulevard** Simbol pembangunan baru di Kuala Selangor

**Projek 2**



Pembangunan dengan konsep eko pelancongan

Pembangunan termasuk:

- Kedai 2 tingkat
- Pusat membeli-belah
- Kedai 3 tingkat (kemudahan lift)
- Pantai villa
- Pasaraya Giant
- Rumah mampu dibeli
- Hospital dan pusat pemulihan
- Rumah 2 tingkat
- Pusat pelancongan dan kemudahan jeti
- Pusat rekreasi

**Jualan dibuka untuk BUMIPUTERA diskaun 7%**

Pemaju:



**GOLDPAGE ASSETS SDN BHD**

Unit 1-2B, Incubator 3, Technology Park Malaysia,  
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur.

**www.kualaselangor.biz**

Untuk keterangan lanjut: **03-3289 8998 | 012-3212 503**



Oleh LIZAWATI MADFA

# Tadika Angsana bukan bawah tanggungjawab MPSJ

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menyangkal laporan bahawa pihaknya menganiaya murid-murid Tadika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Pangsapuri Angsana yang beroperasi di Balai Masyarakat USJ 1 dengan tidak menjelaskan bil air di situ.

Sebaliknya, menurut kenyataan yang dikeluarkan Bahagian Perhubungan Awam Jabatan Perancangan Korporat MPSJ, bil tersebut sebenarnya bukanlah berada di bawah tanggungjawab MPSJ sepertimana didakwa beberapa hari lalu.

MPSJ mengakui sebelum ini memutuskan untuk meletakkan

pengurusan balai masyarakat di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Penduduk (JKP) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan balai termasuk pembayaran bil-bil utiliti melalui geran yang diperuntukkan MPSJ.

Keputusan itu juga adalah sejajar dengan dasar yang diputuskan Kerajaan Negeri pada tahun 2008 bahawa pengurusan balai masyarakat adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

“Walau bagaimanapun, terdapat beberapa balai masyarakat yang dikekalkan pengurusan-nya di bawah pihak Kemas.

“Dalam kes ini, Balai Masyarakat USJ 1 di mana beroperasi tadika Kemas Angsana dikekalkan pengurusan-nya di bawah Kemas, termasuk urusan kesemua pembayaran bil-bil utiliti,” menurut kenyataan tersebut.

Justeru, MPSJ menafikan bahawa pihaknya sengaja tidak menjelaskan bil sehingga me-

nyebabkan bekalan air terpaksa dipotong seterusnya mengganggu proses pembelajaran kanak-kanak di tadika tersebut.

“MPSJ juga ingin melahirkan rasa simpati dengan kejadian pemotongan bekalan air itu.

“Namun MPSJ difahamkan bil utiliti tersebut dijelaskan pihak Kemas pada 5 Februari lalu,” jelas kenyataan itu lagi.

Media perdana sebelum ini menyalahkan MPSJ dalam isu pemotongan bekalan air di

tadika dua sesi tersebut dengan mendakwa MPSJ gagal menjelaskan tunggakan bil berjumlah RM 430.16.

Ekoran tunggakan tersebut, petugas Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) hadir pada Isnin lalu untuk melakukan pemotongan bekalan air.

Bagaimanapun, bil tersebut kemudiannya dijelaskan oleh penduduk yang prihatin dengan nasib kira-kira 100 pelajar di situ.

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

### MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1-800-22-8100

### MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888.

Semak aduan, status, taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

### MAJLIS PERBANDARAN KLANG

www.mpklang.gov.my

Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);

Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

### MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825 SMS: Taip

"MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

### MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

### MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

### MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

www.mps.gov.my

Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

### MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

www.mbsa.gov.my

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

### MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

www.mpsj.gov.my

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

### MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my

Tel: 03-79542020 (24-jam hotline) / 03-79563544 (am)

SMS: Taip "MBPJADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213

## MPK tawar minimum RM15 kompaun letak kereta



Orang ramai mengambil peluang mendapatkan kupon yang ditawarkan MPK

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) membuat tawaran pengurangan kompaun letak kereta RM15.00 bagi setiap kompaun letak kereta bermula 1 Februari sehingga 28 Februari dan jumlahnya akan meningkat kepada RM30.00 bagi setiap kompaun bermula 1 Mac sehingga 31 Mac 2013.

Pengarah Jabatan Komunikasi dan Pengaduan Awam, Norfiza Mahfiz berkata, tawaran pengurangan itu dilaksanakan semula selepas mendapat sambutan menggalakkan di mana orang ramai yang mengambil peluang tersebut untuk menjelaskan kompaun-kompaun tertunggak mereka sebelum ini.

Katanya, kempen yang diada-

kan juga akan membantu pelanggan yang tidak berkesempatan untuk menjelaskan kompaun mereka yang terdahulu dapat melangsaikannya mengikut tarikh yang ditetapkan.

“Orang ramai digesa untuk mengambil peluang yang ada untuk menjelaskan kompaun-kompaun mereka sebelum tempoh tawaran tamat pada 1 April 2013 dan semakan boleh dibuat di Kaunter Ibu Pejabat MPK dan Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana manakala bayaran boleh dibuat di semua kaunter-kaunter Majlis di Ibu Pejabat MPK, Pejabat Cawangan MPK, Jalan Tengku Kelana.

“Selain daripada itu, bayaran juga boleh dilakukan di

Kaunter MPK Pasaraya Giant Bukit Tinggi, Kaunter MPK Perhentian Bas Port Klang, Pejabat Cawangan Kompleks Pasar Besar Jalan Meru, Dewan Orang Ramai Meru, Pejabat Cawangan Pasar Pekan Kapar, Kaunter Bergerak MPK dan Kaunter ‘Roadshow’ MPK yang akan disediakan kelak,” katanya dalam kenyataan media.

Sementara itu, Norfiza menjelaskan, orang ramai kini boleh mula mendapatkan kupon letak kereta di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan cawangannya serta ejen-ejen yang dilantik selaras dengan inisiatif MPK yang mula memperkenalkan Sistem Letak Kereta Berkupon.





PBT	TARIKH	LOKASI	MASA
MPK	18 Feb (ISNIN)	Dewan Kompleks Sukan Pandamaran, Klang	8.00pm – 11.00pm
MBSA	19 Feb (SELASA)	Dewan Besar Tanjung, Seksyen 19, Shah Alam	8.00pm - 11.00pm
MPAJ (PANDAN)	21 Feb (KHAMIS)	Dewan Pandan Indah, Ampang	8.00pm – 11.00pm
MDSB	22 Feb (JUMAAT)	Dewan Sri Bernam, Pekan Sg. Besar, Sabak Bernam	8.00pm – 11.00pm
MDHS	22 Feb (JUMAAT)	Dewan Dato' Abdul Hamid, Batang Kali, Hulu Selangor	8.00pm – 11.00pm
MBPJ	23 Feb (SABTU)	Bilik Syarahan, Dewan Sivik MBPJ	9.00am – 11.00am
MDKS	23 Feb (SABTU)	Dewan Orang Ramai, Bestari Jaya	8.00pm – 11.00pm
MPSJ	24 Feb (AHAD)	Dewan MPSJ, SS 15, Subang Jaya	10.00am -12.00pm
MPAJ (AMPANG)	24 Feb (AHAD)	Dewan Komuniti, Bandar Baru Ampang	8.00am – 11.00am (pagi)
MPKj (CHERAS)	24 Feb	Dewan Orang Ramai Batu 11, Cheras	8.00am – 11.00am (pagi)
MPKj (KAJANG)	25 Feb (ISNIN)	Kompleks Sukan Seksyen 15, Bandar Baru Bangi	8.00pm – 11.00pm
MDKL	26 Feb (SELASA)	Dewan Sri Jugra, Banting	8.00pm – 11.00pm
MPS	28 Feb (KHAMIS)	Lobi Menara MPS, Selayang	8.00pm – 11.00pm
MPSp	28 Feb (KHAMIS)	Dewan Orang Ramai Taman Putra Perdana, Puchong	8.00pm – 11.00pm

# Blueprint bantu peniaga majukan perniagaan

Oleh HAFIZAN TAIB

**KUALA KUBU BHARU** - Peniaga kuih-muih dari Hulu Bernam, Nor Anita Baharuddin, 44, menganggap bantuan Kerajaan Negeri yang diterima memberi galakan bagi dirinya untuk terus berusaha gigih memajukan perniagaan dijalankan sejak dua tahun lalu.

"Bantuan perniagaan yang saya terima ini akan membolehkan saya membuat dengan lebih banyak kerana oven diberikan lebih besar berbanding yang saya gunakan sekarang.

"Dengan cara itu saya dapat mengembangkan lagi perniagaan saya ke kawasan lain dan memenuhi tempahan lebih banyak," kata peniaga Medan Selera Tanjung Malim itu selepas Majlis Pemberian Bantuan Blueprint dan Kesihatan Selangor di sini.

Nor Anita adalah salah seorang daripada 46 peniaga dari daerah Hulu Selangor yang menerima bantuan perniagaan tersebut daripada Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar.

Bantuan perniagaan Blueprint adalah bantuan perniagaan dalam bentuk barangan, disalurkan Kerajaan Negeri kepada golongan

peniaga di Selangor sejak 2008 dengan peruntukan tahunan RM1 juta bagi memajukan perniagaan dijalankan mereka.

Saidina Hamzah Siakin, 49, yang menjalankan perniagaan memotong rumput sejak tiga tahun lalu menyambut baik pemberian mesin rumput diterimanya kerana selama ini dia tidak berkemampuan untuk memiliki mesin tersebut.



Saidina Hamzah



Nor Anita

"Selama ini saya mengambil upah memotong rumput dengan cara menyewa mesin pemetong ini mengikut kadar harian RM30.

"Mesin rumput yang baik harganya antara RM1,000 ke RM1,500, ia agak mahal bagi saya. Apabila dapat bantuan daripada Kerajaan Negeri, saya bersyukur sangat kerana sudah

ada mesin sendiri dan tak perlu menyewa lagi," kata Saidina yang berasal dari Batang Kali.

Dr Xavier dalam ucapannya menjelaskan, Kerajaan Negeri memberikan bantuan Blueprint kepada peniaga yang membuktikan kemampuan dalam bidang itu.

Katanya, ia berbeza dengan bantuan mikrokredit kerana bantuan Blueprint tidak perlu dibayar semula oleh penerima.

"Kerajaan Negeri bagi bantuan ini kepada peniaga supaya dapat meningkatkan pendapatan dengan barangan yang diminta peniaga.

"Kita galakkan diwujudkan pusat komuniti supaya peniaga boleh menjalankan perniagaan mereka di situ. Apa yang saya lihat, kebanyakan peniaga adalah wanita dan perniagaan diusahakan bidang jahitan. Dengan cara ini, mesin jahitan boleh ditempatkan di pusat komuniti ini," katanya.

**Mesin rumput yang baik harganya antara RM1,000 ke RM1,500, ia agak mahal bagi saya. Apabila dapat bantuan daripada Kerajaan Negeri, saya bersyukur sangat kerana sudah ada mesin sendiri dan tak perlu menyewa lagi**

**- SAIDINA HAMZAH**  
Penerima Bantuan

## CEGAH JENAYAH...

Adun Meru, Dr Rani Osman, merasmikan Pos Kawalan Keselamatan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Kampung Bukit Cerakah Jaya, Meru







Wakil PKNS beri penerangan tentang ciri-ciri Rumah Mampu Milik kepada pengunjung

dari muka 16

## Beri peluang kepada yang belum miliki rumah

Katanya, PKNS membina projek perumahan kos tinggi bukanlah untuk mengaut keuntungan semata, tetapi ia disalurkan kepada masyarakat yang belum memiliki rumah.

Ujarnya, ia dilakukan dengan memberi subsidi kepada projek Rumah Mampu Milik seperti di Bukit Botak sebanyak RM79.6 juta dan di Bandar Baru Bangi sebanyak RM12 juta.

"Dengan pencapaian PKNS selama ini yang tidak mempunyai projek terbengkalai, saya harap rakyat Selangor terus berikan sokongan kepada PKNS," katanya.

Abdul Khalid berkata demikian dalam Majlis Pecah Tanah Rumah Idaman

PKNS Antara Gapi di Serendah di sini.

Dalam pada itu, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Abdul Samad berkata, Kerajaan Negeri mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Rumah Mampu Milik dalam usaha mempercepatkan pelaksanaan keputusan pembangunan itu.

Katanya, jawatankuasa itu dipengerusikan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dan ia dianggotai oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor, serta Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor.

"Setakat ini seramai 942 pemohon telah mengisi borang untuk memohon perumahan mampu milik," kata Iskandar.

# DUN Kota Alam Shah hargai pelajar cemerlang

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

KLANG - Seramai 20 orang pelajar dari kawasan DUN Kota Alam Shah yang cemerlang di dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2012, menerima hadiah penghargaan atas pencapaian mereka.

Sumbangan wang sebanyak RM200 disampaikan Adun kawasan terbabit, Manoharan Malayalam di Pusat Khidmat DUN Kota Alam Shah, di sini.

Seorang penerima, Jeykishyen Qubayan, 16, mengucapkan terima kasih dan berjanji untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan diduduki pada tahun hadapan.

Katanya, beliau mendapat sokongan moral daripada ibu bapanya serta guru-guru di sekolah ketika mengulangkaji pelajaran sehingga mendapat keputusan

7A pada PMR tahun lalu.

"Saya sememangnya berusaha ber-sungguh-sungguh untuk berjaya, dengan bantuan ibu bapa serta guru-guru dan kalau diizinkan, saya ingin mendapat keputusan cemerlang pada peperiksaan SPM nanti," katanya yang kini bersekolah di SMK Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

Bagi Ashray Paul, 16, hadiah ini adalah dorongan dan petikan semangat untuk lebih berjaya pada peperiksaan akan datang.

"Dengan sumbangan daripada YB Manoharan ini, saya dapat satu semangat baru untuk mengekalkan prestasi saya dan lebih berjaya pada peperiksaan akan datang," katanya yang turut mendapat 7A pada PMR tahun lalu.

Sehingga kini lebih 100 orang pelajar di DUN Kota Alam Shah yang mendapat keputusan cemerlang pada UPSR dan PMR tahun 2012 telah menerima hadiah daripada Manoharan.



Manoharan bersama sebahagian pelajar cemerlang UPSR dan PMR 2012

Dalam pada itu, Manoharan di dalam ucapannya berkata, 70 peratus daripada peruntukan sebagai Adun digunakan bagi bantuan pendidikan, khususnya kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

"Dengan sumbangan daripada YB Manoharan ini, saya dapat satu semangat baru untuk mengekalkan prestasi saya dan lebih berjaya pada peperiksaan akan datang

## E-GEMS banteras gejala sosial

SHAH ALAM - Sesiapa yang menjadi mangsa penganiayaan, gangguan seksual atau gejala sosial yang lain, boleh menggunakan aplikasi elektronik untuk mendapatkan bantuan.

Aplikasi web tersebut yang dinamakan E-Gems, akan membantu mangsa dan pengadu menghubungi agensi kerajaan yang boleh memberi bantuan kepada mereka.

Perkhidmatan yang dilancarkan oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bertujuan memerangi gejala sosial di

Selangor.

Abdul Khalid berkata, sistem itu akan membangunkan komponen sistem maklumat perkhidmatan sosial komuniti Selangor selain mengumpul maklumat penduduk.

"Sistem ini membolehkan mereka mengetahui aktiviti pencegahan yang dijalankan di samping membantu mereka yang terjebak dalam gejala tidak sihat untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pertolongan daripada pakar

berkaitan.

"Saya menyokong usaha ini kerana kita akan berada lebih dekat dengan masyarakat dan jelas dalam zaman sekarang sistem komunikasi elektronik lebih luas digunakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Sistem Pengurusan Sosial E-Gems di Auditorium Jubli Perak, SUK.

Hadir sama, Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali.

WAKTUSOLAT SELANGOR							
15 - 22 FEBRUARI 2013							
4 - 11 RABIULAKHIR 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
15 Jumaat	6:00	6:10	7:28	1:30	4:49	7:29	8:40
16 Sabtu	6:00	6:10	7:28	1:30	4:49	7:29	8:40
17 Ahad	6:00	6:10	7:28	1:30	4:49	7:29	8:39
18 Isnin	6:00	6:10	7:28	1:30	4:48	7:29	8:39
19 Selasa	6:00	6:10	7:27	1:30	4:48	7:29	8:39
20 Rabu	6:00	6:10	7:27	1:30	4:47	7:29	8:39
21 Khamis	6:00	6:10	7:27	1:30	4:47	7:29	8:39
22 Jumaat	6:00	6:10	7:27	1:30	4:47	7:29	8:39

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
15 Jumaat	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:42
16 Sabtu	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:41
17 Ahad	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:41
18 Isnin	6:02	6:12	7:30	1:32	4:50	7:31	8:41
19 Selasa	6:02	6:12	7:29	1:32	4:50	7:31	8:41
20 Rabu	6:02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41
21 Khamis	6:02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41
22 Jumaat	6:02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41



## Rumah Mampu Milik ketiga siap tahun depan

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**HULU SELANGOR** - Selepas Bukit Botak di Selayang dan Bandar Baru Bangi, Kerajaan Negeri Selangor menyediakan satu lagi projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang terletak di Antara Gapi, Hulu Selangor yang dijangka siap Disember tahun 2014.

Projek dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang dikenali Projek Idaman PKNS Antara Gapi merupakan perumahan mampu milik ketiga yang dibina Kerajaan Negeri.

Timbalan Pengurus Besar PKNS, Ir Abdul Ghani Hashim berkata, projek itu bakal menempatkan 129 unit rumah teres 1 1/2 tingkat pada harga bermula dari RM100,000 - RM120,000 sebuah, bergantung kepada keluasan lot tapak.

"Bahkan menerusi harga menarik yang ditawarkan, PKNS menanggung subsidi sebanyak RM4.2 juta," katanya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha menyediakan Rumah Mampu Milik bagi memastikan rakyat memiliki rumah sendiri.

[Lihat muka 15](#)



**TOLERANSI...** Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim beramah mesra dengan pemimpin masyarakat Cina pada majlis Sambutan Tahun Baru Cina yang diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor

Gambar oleh Rahimie Ariffin

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>

<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>

<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO